



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS PERASMIAN PUSAT INTERAKSI PELBAGAI ETNIK KOLEJ UNIVERSITI NEW ERA & PENUTUPAN SIMPOSIUM EVOLUSI BAHASA: DAHULU, KINI, DAN MASA HADAPAN

KAJANG, 22 November 2024 – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah merasmikan Majlis Simposium Evolusi Bahasa: Dahulu, Kini dan Masa dan penubuhan Pusat Interaksi Pelbagai Etnik (NEUC-CMEI) Kolej Universiti New Era di Dewan Ng Ah Choo, Kolej Universiti New Era, hari ini.

Penganjuran simposium ini menjadi **platform bagi memahami dan menghayati evolusi bahasa serta pengaruhnya dalam membentuk identiti, budaya, dan perpaduan negara**. Sejarah dan semangat di sebalik Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara perlu dihayati dan diamalkan oleh semua lapisan masyarakat dan menjadi asas kepada semua dasar Kerajaan. Dasar ini **menetapkan hala tuju perpaduan negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur**.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, “bahasa kini berfungsi bukan hanya untuk menghubungkan kita di dalam negara, tetapi juga dengan dunia luar. **Bahasa Melayu kini menjadi bahasa kebangsaan Malaysia, dan ia adalah simbol perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai bangsa, agama dan budaya**. Namun begitu, kita juga tidak boleh melupakan pentingnya bahasa-bahasa lain yang menjadi bahagian integral daripada kehidupan masyarakat kita, seperti bahasa Cina, Tamil, Iban dan lain-lain, yang mewakili **kepelbagaian etnik yang wujud di negara ini**.”

“Kita harus membina satu masyarakat yang celik bahasa, yang bukan sahaja fasih dalam bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda masing-masing, tetapi juga dalam bahasa asing yang membuka peluang lebih luas untuk berhubung dengan dunia luar. Inilah yang saya panggil sebagai **masyarakat multi-linguistic**, yang bukan sahaja tahu bagaimana untuk berkomunikasi, tetapi juga tahu bagaimana untuk menghargai **kepelbagaian budaya dan bahasa yang ada di sekeliling**,” tambah beliau.

Pada majlis yang sama, YB Aaron turut menyempurnakan **Majlis Perasmian Pusat Interaksi Pelbagai Etnik (NEUC-CMEI)** yang berfungsi sebagai ruang fizikal dan simbolik di mana individu daripada latar belakang yang berbeza boleh berkumpul, belajar daripada satu sama lain, dan membentuk ikatan yang berkekalan di samping dapat mempromosikan kesedaran silang budaya, menonjolkan keindahan setiap tradisi serta mencari titik persamaan yang menyatukan rakyat Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara

22 November 2024